

PANDUAN MENGGUNAKAN KALKULATOR PENGELUARAN DANA PERSARAAN

PENGELUARAN DANA PERSARAAN

Pengeluaran - Pasca Persaraan / Jumlah Terkumpul 

Baki Dana Persaraan (RM)	<input type="text" value="2350043"/>	(RM)
Jangkaan Pulangan PRS %	<input type="text" value="4"/>	%
Inflasi %	<input type="text" value="2.5"/>	%
Pengeluaran Bulanan (RM)*	<input type="text" value="11167"/>	(RM)
Umur Persaraan Anda	<input type="text" value="60"/>	Tahun

* Disyorkan 2/3 daripada gaji terakhir.

Analisa

Kalkulator ini adalah untuk menjawab persoalan:

"Sekiranya saya mempunyai sejumlah wang pada usia persaraan saya di dalam PRS, dan saya menetapkan jumlah tertentu untuk dikeluarkan secara bulanan untuk membiayai perbelanjaan saya, berapa lama dana ini boleh bertahan dengan mengambil kira kadar inflasi dan kadar pertumbuhan PRS"

Pengeluaran - Semasa Persaraan/Sekaligus:

Baki Dana Persaraan (RM):	Jika anda datang dari kalkulator pengumpulan dari menekan 'seterusnya' dalam skrin sebelumnya, jumlah ini adalah sama seperti "Jumlah Dana Persaraan" anda. Anda boleh mengubah angka ini jika anda mahu. Jika anda datang terus ke halaman ini dari menu Pengeluaran Persaraan, anda boleh menggantikan jumlah piawan (1000000) satu jumlah yang berkaitan dengan anda.
% Jangkaan Pulangan PRS:	Sila anggarkan % purata pertumbuhan yang anda harapkan di dalam pelaburan PRS anda dari sekarang sehingga umur persaraan.
% Inflasi:	Sila anggarkan kadar inflasi purata dari sekarang sehingga anda mencapai umur persaraan. Anda boleh meninggalkannya secara piawai, iaitu sebanyak 2.5% atau mengubahnya untuk melihat bagaimana kadar inflasi yang akan memberi kesan kepada simpanan persaraan anda secara keseluruhan.
Pengeluaran Bulanan (RM):	Ini adalah jumlah yang anda ingin keluarkan secara bulanan untuk membiayai perbelanjaan anda semasa persaraan. Jumlah yang anda masukkan di sini akan digunakan untuk tahun pertama dan selepas itu ia akan diselaraskan pada setiap tahun untuk mengambil kira faktor inflasi.


Jika anda datang dari kalkulator pengumpulan (dari menekan 'seterusnya' dalam skrin sebelumnya), jumlah ini akan dikira sebagai dua pertiga ($2/3$) daripada anggaran gaji terakhir anda (selepas menggunakan faktor kenaikan gaji tahunan). Anda boleh mengubah angka ini jika anda mahu.

Umur Persaraan Anda:

Jika anda datang dari kalkulator pengumpulan (dari menekan 'seterusnya' dalam skrin sebelumnya), umur yang dipaparkan adalah umur yang sama seperti sebelum ini. Anda boleh mengubah angka ini jika anda mahu.

Jika anda datang terus ke halaman ini dari menu Pengeluaran Persaraan, anda boleh menggantikan piawai (60) kepada umur yang anda kehendaki.

Bagaimana untuk membaca keputusan dikira?




Garis biru menunjukkan baki dana persaraan anda

Jangkaan Kehabisan dana

Anggaran kadar inflasi telah difaktorkan ke dalam purata pengeluaran bulanan

Jika anda melihat ke bawah laman ini, anda akan mendapati skrin input yang sama dipaparkan dengan nilai yang anda nyatakan dalam halaman terdahulu. Jika anda ingin mengira semula dengan satu set yang berbeza untuk mensimulasikan keadaan yang lain, anda boleh berbuat demikian di sini tanpa akan kembali ke halaman sebelumnya.



Anda juga boleh menggerakkan penunjuk tetikus anda di sepanjang garis graf untuk memaparkan baki dana pada umur yang berbeza.

Harap maklum bahawa maklumat yang diberikan oleh kalkulator ini adalah untuk ilustrasi sahaja dan adalah berdasarkan kepada input data dan andaian anda. Anda harus berunding dengan penasihat kewangan anda untuk pelan persaraan anda.

Terima kasih kerana menggunakan Kalkulator Persaraan PPA ini. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila e-mel kepada AskPPA@ppa.my